ELANGGOVEN SUPPANNAN

lwn.

PATHMANABHAN NALIANNEN & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
MARINA YAHYA PK
[USUL PEMULA NO: 25-25-2007]
28 SEPTEMBER 2009

PROFESION UNDANG-UNDANG: *Tatatertib profesional - Salahlaku - Rayuan terhadap sebahagian keputusan Lembaga Tatatertib yang telah menggantung keahlian kedua-dua responden sebagai peguambela dan peguamcara untuk tempoh satu tahun - Sama ada keahlian kedua-dua responden harus dibatalkan - Dapatan fakta dan syor Jawatankuasa Tatatertib - Sama ada dapatan yang dibuat oleh Lembaga Tatatertib melangkaui dapatan fakta yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib - Salahlaku yang serius - Kepentingan awam - Akta Profesion Undang-Undang 1976, s. 103C(1)(c)(iii)*

PROFESION UNDANG-UNDANG: *Jawatankuasa Tatatertib - Dapatannya - Syor Jawatankuasa Tatatertib untuk membatalkan keahlian kedua-dua responden apabila terbukti mereka telah terlibat dalam transaksi penipuan, frod dan salahlaku sebagai peguambela dan peguamcara - Sama ada Lembaga Tatatertib mempunyai alasan yang kukuh untuk tidak bersetuju dengan syor tersebut - Sama ada dapatan yang dibuat oleh Lembaga Tatatertib melangkaui dapatan fakta yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib - Akta Profesion Undang-Undang 1976, s. 103C(1)(c)(iii)*

Ini adalah rayuan perayu terhadap sebahagian keputusan Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam yang telah menggantung keahlian kedua-dua penentang/responden sebagai peguambela dan peguamcara untuk tempoh satu tahun. Alasan-alasan perayu adalah seperti berikut: (i) terdapat bukti ketara bahawa kedua-dua responden telah melakukan satu kesalahan yang serius di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 ('APU'); (ii) dapatan oleh Lembaga Tatatertib bahawa perayu dan rakan kongsi terlibat dengan "money-lending transaction" adalah tidak berasas kerana tiada bukti dikemukakan oleh pihak-pihak; dan (iii) pihak Lembaga Tatatertib tiada alasan yang kukuh untuk tidak bersetuju dengan syor Jawatankuasa Tatatertib untuk membatalkan keahlian kedua-dua responden apabila terbukti mereka telah terlibat dalam transaksi penipuan, frod dan salahlaku sebagai peguambela dan peguamcara.

Diputuskan (membenarkan rayuan dengan kos):

(1) Rekod rayuan dan dapatan Jawatankuasa Tatatertib tidak langsung menyentuh akan isu transaksi pinjaman wang oleh perayu dan rakan kongsinya. Tiada juga keterangan dari mana-mana saksi ataupun dokumen semasa pendengaran di hadapan Jawatankuasa Tatatertib membuktikan bahawa perayu dan rakan kongsinya adalah pemberi pinjaman wang. Dapatan yang dibuat oleh Lembaga Tatatertib adalah tidak berasas dan disokong oleh mana-mana bukti yang ada di hadapan Jawatankuasa Tatatertib. Dapatan yang dibuat oleh Lembaga Tatatertib adalah melangkaui dapatan fakta yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib. (perenggan 3)

(2) Berdasarkan pada dapatan fakta yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib, syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib di bawah s. 103C(1)(c)(iii) APU adalah wajar dan berpadanan dengan salahlaku serius yang dilakukan oleh kedua-dua responden di dalam transaksi jualbeli hartanah dengan perayu. Salahlaku yang dilakukan oleh kedua-dua responden bukan sahaja menyebabkan kerugian kepada perayu yang sehingga kini gagal mendapatkan semula wang beliau tetapi juga menyebabkan hilangnya kepercayaan orang ramai ke atas integriti profesion guaman itu sendiri. Demi kepentingan awam, perbuatan salahlaku oleh kedua-dua responden bukan sahaja patut dibendung tetapi juga apa-apa hukuman yang hendak dikenakan hendaklah mencerminkan ketegasan APU dalam mencegah perkara yang sama dari berterusan berlaku. Lembaga Tatatertib tiada alasan kukuh untuk tidak bersetuju atau tidak menerima cadangan atau syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib. (perenggan 6)

Perundangan yang dirujuk:
Legal Profession Act 1976, s. 103C(1)(c)(iii)

Bagi pihak perayu - Rajasekaran Thiyagarajan; T/n T Raja & Co
Bagi pihak penentang - T Gunaseelan; T/n Gunaseelan & Assoc
Bagi pihak Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam - Peter Justin Skelchy; T/n Cheah Teh & Su

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

PENGHAKIMAN

Marina Yahya PK:

[1] Perayu di dalam permohonan pemberitahuan permulaan ini merayu terhadap sebahagian keputusan Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam bertarikh 9 Mac 2007 yang telah menggantung keahlian kedua-dua penentang sebagai peguambela dan peguamcara untuk tempoh satu tahun. Atasan rayuan perayu adalah seperti berikut:

i) Terdapat bukti ketara bahawa responden-responden telah melakukan satu kesalahan yang serius di bawah Akta Profesion Undang-Undang.

ii) Dapatan oleh Lembaga Tatatertib bahawa Perayu dan rakan kongsi terlibat dengan "money lending transaction" adalah tidak berasas kerana tiada bukti dikemukakan oleh pihak-pihak; dan

iii) Pihak Lembaga Tatatertib tiada alasan yang kukuh untuk tidak bersetuju dengan syor Jawatankuasa Tatatertib untuk membatalkan keahlian kedua-dua responden apabila terbukti kedua-dua responden telah terlibat dalam transaksi penipuan, frod dan salahlaku sebagai peguambela dan peguamcara.

[2] Rekod rayuan menunjukkan keterangan dan isu-isu yang diputuskan oleh Jawatankuasa Tatatertib berkaitan salahlaku-salahlaku yang dilakukan oleh kedua-dua responden adalah seperti berikut:

i) menyediakan dokumen Perjanjian Jualbeli hartanah yang tidak mengikut standard transaksi pemindahan hak (conveyancing) yang hanya memihak kepada satu pihak sahaja iaitu Penjual iaitu Dr. Gabriel Devamoney Dass Lazarus di mana klausa lucuthak dibuat atas keseluruhan jumlah yang dibayar dan tidak pada jumlah deposit 10% sahaja;

ii) memasukkan cek pelanggan ke dalam akaun pejabat dan kemudiannya memasukkan wang ke dalam akaun pelanggan;

iii) responden telah dengan sengaja membuat salahnyataan kepada perayu bahawa Perjanjian Jualbeli telah dibatalkan tetapi sebaliknya mereka telah menghantar dokumen tersebut untuk disetemkan dan juga untuk penilaian;

iv) perayu telah diminta menandatangani dokumen yang tanpa butir-butir lengkap diisi seperti harga belian akan hartanah yang dibeli;

v) responden telah memalsukan tandatangan perayu dengan tujuan untuk membatalkan kaveat persendirian yang dimasukkan oleh perayu ke atas hartanah yang dibeli;

vi) tandatangan Vasanda Kumar juga telah dipalsukan untuk membatalkan kaveat yang dimasuki oleh beliau atas hartanah yang dibeli oleh perayu;

vii) responden gagal mengeluarkan sebarang resit akan kesemua bayaran yang dibuat oleh perayu ke atas hartanah yang dibeli. Meskipun pada polisi firma responden, resit tidak akan dikeluarkan sehingga cek-cek bayaran dijelaskan, resit bayaran masih tidak dikeluarkan meskipun cek-cek telah dijelaskan;

viii) penjual menyatakan beliau tidak mempunyai pengetahuan bahawa beliau telah menandatangani Perjanjian Jualbeli atau Surat Kuasa Wakil untuk menjual hartanah beliau. Penjual juga memberitahu Jawatankuasa Tatatertib bahawa beliau tidak juga menerima sebarang wang jualan hartanah beliau;

ix) responden juga dikatakan telah membantu dan bersubahat dengan penjual dengan secara salahnya dan tidak sah disisi undang-undang membatalkan Surat Kuasa Wakil Tidak Boleh Batal tanpa pengetahuan perayu;

x) responden juga dikatakan telah membantu dan bersubahat dengan penjual dengan menipu rakan niaga perayu (Raj) dan perayu dengan membuat laporan polis palsu yang melaporkan geran asal hartanah yang dijual kepada perayu telah hilang untuk membolehkan penjual mendapatkan salinan pendua geran dan menjualkannya kepada pihak ketiga;

xi) memfail dan mendapatkan penghakiman keingkaran ke atas perayu yang mana pada masa yang sama mewakili perayu di dalam satu lagi tindakan yang sama yang difailkan oleh perayu di Mahkamah Tinggi Shah Alam;

xii) kegagalan responden melaksanakan tanggungjawabnya menasihati dan melindungi kepentingan perayu yang mana telah menjejaskan hak dan kepentingan perayu keseluruhannya.

Responden bukan sahaja telah bertindak secara keterlaluan dengan tidak memelihara kepentingan perayu sebagai pelanggannya tetapi juga telah melakukan salahlaku dengan terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan profesion responden iaitu dengan pemalsuan dalam membatalkan kaveat-kaveat dan memfailkan tindakan dengan mendapatkan penghakiman terhadap perayu tetapi juga mewakili perayu di dalam tindakan yang sama difailkan ofeh perayu. Tindakan responden bukan sahaja tidak layak sebagai seorang peguambela dan peguamcara tetapi juga telah mencemarkan profesion guaman itu sendiri.

[3] Dengan bukti-bukti keterangan yang ada, Jawatankuasa Tatatertib telah membuat keputusan bahawa responden-responden adalah tidak jujur dan seringkali menipu dalam mengendalikan transaksi Perjanjian Jualbeli dengan perayu. Jawatankuasa Tatatertib dengan sebulat suara mengesyorkan kepada Lembaga Tatatertib supaya responden-responden dibatalkan keahlian mereka sebagai peguambela dan peguamcara. Namun demikian Lembaga Tatatertib hanya mengenakan hukuman penggantungan keahlian responden untuk satu tahun sahaja yang tidak berpadanan dengan kesalahan dan salahlaku yang dilakukan oleh responden-responden sebagai peguambela dan peguamcara. Alasan Lembaga Tatatertib mencapai keputusan sedemikian adalah berdasarkan perayu dan rakan kongsi terlibat dengan "money lending transaction". Saya merujuk kepada rekod rayuan dan dapatan Jawatankuasa Tatatertib yang tidak lansung menyentuh akan isu transaksi pinjaman wang oleh perayu dan rakan kongsinya. Tiada juga keterangan dari mana-mana saksi ataupun dokumen semasa pendengaran di hadapan Jawatankuasa Tatatertib membuktikan bahawa perayu dan rakan kongsinya adalah pemberi pinjaman wang. Dapatan yang dibuat oleh Lembaga Tatatertib adalah tidak berasas dan disokong oleh mana-mana bukti yang ada dihadapan Jawatankuasa Tatetertib. Dapatan yang dibuat oleh Lembaga Tatatertib adalah melangkaui dapatan fakta yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib.

[4] Jawatankuasa Tatatertib boleh membuat syor kepada Lembaga Tatatertib setelah suatu keputusan dicapai diakhir pendengaran sesuatu aduan itu sepertimana yang diperuntukan di bawah s. 103C Akta Profesion Undang-Undang 1976. Cadangan atau syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib bukan sahaja ke atas tindakan tatatertib terhadap peguambela dan peguamcara tetapi juga boleh ke

A tahap menamatkan karier seseorang itu. Maka itu dapatan Jawatankuasa Tatatertib mestilah dibuat selepas suatu perbincangan dan pemahaman yang teliti dan berhati-hati ke atas latarbelakang aduan yang dibuat. Apabila Jawatankuasa Tatatertib membuat keputusan dan membuat syornya di bawah s. 103C LPA, maka pada
B kebiasaannya ianya diterima tanpa perbincangan lanjut oleh Lembaga Tatatertib kerana tiada lagi pendengaran lanjut pada peringkat ini. Ia berbeza dengan peringkat tribunal siasatan yang mana peranannya hanyalah untuk menentukan samada kes *prima facie* wujud ke atas responden dan mencadangkan suatu siasatan rasmi diadakan.
C Prosiding di peringkat Jawatankuasa Tatatertib adalah lebih khusus dan berada dalam skopnya. Oleh itu cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib patutlah diendoskan.

[5] Peguam responden-responden di dalam hujahan bertulisnya di
D perenggan 2.3 mengandaikan tanpa bukti bahawa hukuman berat yang disyorkan adalah disebabkan pihak responden mencabar akan status Pengerusi sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib adalah tidak berasas sama sekali. Responden tiada bukti nyata mahupun melalui nota prosiding menunjukkan Pengerusi mempunyai niat
E *mala fide* dalam membuat keputusan mengesyorkan hukuman ke atas responden kepada Lembaga Tatatertib. Keputusan dan syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib adalah secara sebulat suara.

[6] Berdasarkan pada dapatan fakta yang dibuat oleh Jawatankuasa
F Tatatertib, saya berpendapat syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib di bawah s. 103C(1)(c)(iii) LPA adalah wajar dan berpadanan dengan salahlaku serius yang dilakukan oleh responden-responden di dalam transaksi jualbeli hartanah dengan perayu.
G Salahlaku yang dilakukan oleh responden bukan sahaja menyebabkan kerugian kepada perayu yang sehingga kini gagal mendapatkan semula wang beliau tetapi juga menyebabkan hilangnya kepercayaan orang ramai ke atas intergirti profesion guaman itu sendiri. Demi kepentingan awam, perbuatan salahlaku oleh responden-responden ini
H bukan sahaja patut dibendung tetapi juga apa-apa hukuman yang hendak dikenakan hendaklah mencerminkan ketegasan LPA dalam mencegah perkara yang sama dari berterusan berlaku. Lembaga Tatatertib tiada alasan kukuh untuk tidak bersetuju atau menerima cadangan atau syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib.

I

[7] Menimbang akan rayuan perayu, rekod rayuan dan fakta kes ini serta hujahan kedua-dua pihak, mahkamah membenarkan rayuan perayu dengan kos.

A

B

C

D

E

F

G

H

I